



## SIARAN AKHBAR

### **8<sup>TH</sup> SEACEN INTERMEDIATE LEADERSHIP COURSE "LEADING WITH CHARACTER: NEW LEADERSHIP PARADIGM IN CENTRAL BANKING" BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

**17 MUHARRAM 1436 BERSAMAAN DENGAN 10 NOVEMBER 2014**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengajurkan kursus 8<sup>th</sup> SEACEN Intermediate Leadership Course pada 10 -14 November di Hotel Centrepoin, Bandar Seri Begawan.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat di majlis pembukaan tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Adi Marhain bin Haji Leman, Penolong Pengarah Urusan AMBD. Turut hadir ialah Yang Mulia Hookyu Rhu, Pengarah Eksekutif dari SEACEN Centre; Yang Mulia Dr. Luke Novelli, Jr, Ketua Modal Intelek dari *Leadership Development Resource Global* selaku Pengarah Kursus; tetamu-tetamu khas yang lain; penceramah-penceramah serta peserta-peserta kursus.
3. Hadir di majlis pembukaan kursus tersebut ialah Yang Mulia Hajah Rashidah binti haji Sabtu, Pengarah Eksekutif Penyeliaan Perbankan dan Pasaran Khusus, Autoriti Monetari Brunei Darussalam.
4. Ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Yang Mulia Haji Adi Marhain bin Haji Leman, antara lainnya menekankan kepentingan keberkesanan pemimpin sebagai tunggak bagi meningkatkan mutu satu organisasi secara keseluruhan. Beliau menyatakan bahawa masalah kepimpinan yang dihadapi oleh organisasi-organisasi korporat dan juga kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah semakin ketara. Ini antara lainnya adalah disebabkan oleh kekurangan pendedahan, kefahaman dan pelaksanaan nilai-nilai teras kepimpinan. Menurut beliau juga, pemimpin-pemimpin haruslah memahami bahawa kejayaan sesebuah organisasi sedikit sebanyak, bergantung kepada keberkesanan kepimpinan yang hanya mampu diperolehi melalui latihan dan pengalaman.
5. Kursus kepimpinan pada kali ini bertemakan "*Leading With Character: New Leadership Paradigm in Central Banking*". Kursus tersebut memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Pusat Perbankan untuk mengembangkan keupayaan kepimpinan melalui kuliah dan latihan-latihan yang mengutamakan penilaian peranan kepimpinan dan meningkatkan kemahiran kepimpinan yang kritikal.

Kursus tersebut di hadiri oleh 30 orang peserta daripada Pusat Perbankan serantau dan antarabangsa termasuk pegawai-pegawai daripada AMBD.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 17 Muharram 1436 / 10 November 2014

Rujukan: AMBD/SEACEN/2014